

Mahathir: BN tak bercadang tubuh parti berbagai kaum

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan bahawa parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) adalah parti perkauman yang menghalang perpaduan negara.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, sentimen-sentimen perkauman yang dimainkan oleh parti-parti politik yang bermain politik perkauman untuk kepentingan satu-satu kaum dan bagi memancing undi adalah penghalang usaha-usaha Kerajaan memupuk perpaduan.

"Oleh itu Kerajaan tidak bercadang membubarkan semua parti dalam BN dan menubuhkan sebuah parti berbilang kaum," katanya menjawab soalan encik V. David (DAP-Damansara), di Dewan Rakyat.

Anggota pembangkang itu bertanya sama ada Perdana Menteri sedar kebanyakan parti-parti komponen BN adalah parti perkauman, dan bolehkah beliau memberi jaminan perpaduan kebangsaan akan tercapai dengan membubarkan semua parti bersatu dalam BN dan menubuhkan sebuah parti berbilang kaum untuk menggantikan UMNO, MCA dan MIC sekarang ini.

Sejarah

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Saya tidak setuju dengan anggapan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan bahawa parti-parti komponen BN adalah parti perkauman yang menghalang perpaduan.

"Saya yakin Ahli Yang Berhormat sendiri tahu akan sejarah yang me-

nyebabkan wujudnya Perikatan yang telah melahirkan satu barisan yang membolehkan kita m e n c a p a i kemerdekaan."

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, tindakan itu adalah satu langkah progresif kerana walaupun parti-parti ini berasaskan kepada keturunan kaum, tetapi dengan usaha bersama, semangat kerjasama dan dengan sentiasa mengutamakan kepentingan negara, mereka dapat membina sebuah negara.

"Sekiranya pada masa itu tidak ada percantuman antara ketiga buah parti itu, besar kemungkinannya kita tidak dapat mencapai kemerdekaan dan juga kemajuan negara," ujar beliau.

Tegasnya, pembentukan BN satu langkah lanjut kepada konsep berkerjasama ke arah perpaduan negara yang lebih luas di kalangan rakyat.

Katanya: "Apa yang menjadi penghalang kepada usaha-usaha Kerajaan memupuk perpaduan bukanlah adanya parti-parti politik yang berasas kepada kaum, tetapi kerana timbulnya sentimen-sentimen perkauman akibat tindakan parti-parti politik yang bermain politik perkauman untuk kepentingan satu-satu kaum sahaja dan semata-mata untuk memancing undi."

Sempit

Di samping itu, tambah beliau, terdapat parti yang mendakwa hanya parti perpaduan dan berbilang kaum seperti DAP.

"Tetapi yang sebenarnya parti itu mempunyai fahaman dan pandangan perkauman sempit sehingga tidak ada satu perkara yang tidak dibicarakan dari kacamata dan sudut perkauman yang ketat."

"Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang membubarkan semua parti bersatu dalam BN dan menubuhkan sebuah parti berbilang kaum," tegasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia